

**LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM
NEGERI SELANGOR
(*PUBLIC ACCOUNT
COMMITTEE - PAC*)**

MENGENAI

**LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA
NEGERI SELANGOR
TAHUN 2009**

JULAI 2012

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor telah membuat pemeriksaan yang teliti ke atas Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi Tahun 2009 dengan memanggil beberapa Ketua Jabatan yang berkaitan bagi memberi penjelasan yang terperinci terhadap isu-isu dan teguran-teguran daripada Jabatan Audit Negeri Selangor seperti yang dibangkitkan dalam laporan tersebut.
- 1.2 Semasa pemeriksaan dijalankan, Jawatankuasa dibantu oleh Pengarah Audit Negeri Selangor yang turut memberi pendapatnya dan mengemukakan pertanyaan kepada Ketua Jabatan/ Pegawai yang telah dijemput hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa. Di samping itu, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Bendahari Negeri Selangor, Timbalan Pengarah Jabatan Audit Negeri Selangor dan beberapa pegawai daripada Jabatan Audit Negeri Selangor turut hadir dalam mesyuarat ini.
- 1.3 Berikut adalah aktiviti-aktiviti jabatan yang mendapat penelitian Jawatankuasa:-

Jabatan / Aktiviti Jabatan	Tarikh
i. Seksyen Makro dan Penswastaaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) – Projek Pembangunan Penswastaaan di Bukit Cherakah.	24 Februari 2011
ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor – Pengurusan Projek Penswastaaan Kerajaan Negeri Selangor	24 Jun 2011
iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor – Pengurusan Program Transformasi Industri Lembu Pedaging	25 Ogos 2011

iv. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor – Pengurusan Aktiviti Perlombongan dan Pengambilan Pasir serta Kesannya terhadap Alam Sekitar	22 September 2011
v. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor – Pengurusan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dan Mahkamah Rendah Syariah Daerah	1 Disember 2011
vi. Perbendaharaan Negeri Selangor – Pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut oleh Kerajaan Negeri Selangor	12 Januari 2012

- 1.4 Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, penemuan-penemuan, fakta, rumusan dan syor Jawatankuasa adalah seperti yang terkandung dalam laporan ini.

2. AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN

2.1. SEKSYEN MAKRO DAN PENSWASTAAN, UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN) DAN JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

– *Projek Pembangunan Penswastaan di Bukit Cherakah.*

2.1.1 Pendahuluan

- (1) Projek Pembangunan Penswastaan Di Bukit Cherakah seluas 273 Ekar di Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan dijalankan oleh Syarikat Ecoasli Development Sdn. Bhd.

(2) Wakil daripada Seksyen Makro Dan Penswastaan, UPEN yang hadir memberikan penjelasan adalah seperti berikut:

- i. Tuan Nor Azmie Bin Diron,
Timbalan Pengarah, UPEN Makro dan Penswastaan
- ii. Encik Mohd Fareez bin Mohd Ariss,
Ketua Penolong Pengarah, UPEN Makro dan
Penswastaan
- iii. Encik Mohd Muktafi Bin Sarpan
Penolong Pengarah, UPEN Makro dan Penswastaan

(3) Manakala wakil daripada JAKOA yang hadir adalah seperti berikut:

- i. Encik Md Yusof Bin Abu Naib
Timbalan Pengarah JAKOA Selangor
- ii. Puan Meryam Binti Wan Ali
JAKOA Selangor
- iii. Encik Kamarzaman Bin Ngah Sohor
JAKOA Petaling/Gombak
- iv. Encik Aizal Izuan Bin Ismail
JAKOA Selangor

2.1.2 Maklumat daripada Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri

Fakta

- (1) Pulangan kepada orang asli dalam bentuk bangunan dan pulangan tunai berjumlah RM 25.1 juta kini berbaki lebih kurang RM5 juta. Bagaimanapun, UPEN ada menerima surat daripada pemaju memaklumkan Penduduk Orang Asli bersetuju menerima pulangan tunai bagi 2 unit kedai/pejabat.
- (2) Cadangan itu telah ditolak oleh UPEN dan Jabatan Kemajuan Orang Asli diminta berunding dengan penduduk Orang Asli untuk menarik balik persetujuan tersebut.
- (3) Bagi pulangan kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM14.4 juta meliputi 160 unit rumah pangsa. Pada 3 Oktober 2007, MMKN bersetuju pulangan hanya 105 unit rumah pangsa daripada 160

unit rumah yang dipersetujui dengan spesifikasi yang lebih baik dan nilai pulangan meningkat kepada RM14.9 juta.

- (4) UPEN juga telah berbincang bersama pemaju berhubung 3 permohonan Kerajaan Negeri iaitu:
 - i. Lembaga Pengarah perlu mengemukakan jaminan peribadi (*personal guarantee*) bernilai sama dengan baki pulangan yang belum dijelaskan kepada Kerajaan Negeri;
 - ii. Pemaju diminta menyerahkan keseluruhan Pangsapuri Seri Nuang yang mengandungi 113 unit rumah termasuk 8 unit rumah yang telah dijual kepada orang awam; dan
 - iii. Surat Akuan pemaju untuk menyelesaikan keseluruhan pulangan kepada Orang Asli.
- (5) Pihak pemaju belum memutuskan perkara tersebut tetapi akan mempertimbangkan permohonan yang dikemukakan. Untuk itu keseluruhan tanah berkeluasan 273 ekar tersebut masih dikaveatkan sehingga isu ini diselesaikan. Kaveat tidak termasuk pemberimilikan yang telah dibuat.
- (6) Jawatankuasa juga dimaklumkan kemungkinan bon jaminan perlaksanaan projek tidak dikemukakan kepada UPEN kerana tanah tersebut telah dikaveatkan. Sekiranya bon itu dikemukakan nilainya hanyalah 5% daripada nilai yang belum dibangunkan.
- (7) Semua dokumen berkaitan pulangan kepada orang asli terutamanya pulangan tunai seperti Tabung Kebajikan, Tabung Pendidikan dan Pampasan adalah di bawah dan dipantau oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli. Walaubagaimanapun UPEN secara berkala akan memaklumkan sebarang pembayaran dibuat.

2.1.3 Maklumat daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Fakta

- (1) Status tuntutan kawasan seluas 73 ekar di luar Taman Botani bagi kawasan Orang Asli masih dalam permohonan oleh Jabatan untuk dijadikan rezab Orang Asli. Walaubagaimanapun Orang Asli masih mengambil hasil daripada tanaman getah di kawasan tersebut.

- (2) Keseluruhannya 30 keluarga mendapat rumah teres tetapi hanya 27 yang mendiami manakala 3 keluarga lagi menyewakan rumah mereka dan mereka menetap di Taman Botani. Status terkini banci penduduk Orang Asli seramai 145 orang isi rumah dengan 33 ketua isi rumah.
- (3) Seramai 40 keluarga Orang Asli bukan pemastautin Kampung Air Kuning yang diberi pampasan kerugian atas tanaman mereka di kampung tersebut berjumlah RM 12,500.00 seorang.
- (4) Terdapat 3 tabungan Orang Asli yang mana Tabung JKK Kampung mendapat RM 21,500.00 dan diuruskan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran JKKK itu sendiri. Manakala bagi Tabung Amanah Kebajikan dan Tabung Amanah Pendidikan berjumlah RM 1.5 juta di bawah kawalan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sebarang permohonan penggunaannya adalah melalui penyediaan kertas kerja dan perlu mendapat kelulusan Ketua Setiausaha.

2.1.4 Penemuan Jawatankuasa

- (1) Perjanjian tambahan berhubung kelewatan projek ini disiapkan masih belum dibuat. Penalti sebanyak 8% setahun kepada pemaju atas kelewatan yang dinyatakan di dalam perjanjian pertama juga masih belum dikenakan. Perbincangan bersama pihak pengurusan dan Pejabat Menteri Besar perlu dibuat sebelum tindakan diambil.
- (2) Jawatankuasa mendapati terdapat perbezaan dalam senarai penerima wang tunai terdahulu dan terkini berhubung pemberian 30 unit rumah. JAKOA memaklumkan perbezaan nama adalah disebabkan oleh kematian. Bagaimanapun surat penurunan kuasa kepada waris ada di dalam simpanan JAKOA

2.1.5 Syor / Saranan Jawatankuasa

- (1) Jawatankuasa memandang berat permasalahan tempoh rundingan berhubung pemberian rumah pangsa dan jaminan peribadi yang dicadangkan. Satu tempoh masa perlu ditetapkan sebagai kawalan semasa sebelum perjanjian baru dibuat.
- (2) Jawatankuasa bersetuju mencadangkan tempoh masa 3 bulan untuk penyelesaian berhubung perjanjian dan lain-lain yang berkaitan. UPEN diminta melaporkan kepada Jawatankuasa status terkini perkara ini.

- (3) Jawatankuasa berharap tabungan Tabung Amanah Pendidikan digunakan untuk perkara-perkara berkaitan pendidikan anak-anak Orang Asli seperti bayaran tuisyen, bantuan persekolahan dan lain-lain perkara yang berkaitan pendidikan.
- (4) JAKOA diminta menyediakan laporan perincian bagaimana wang tabung amanah tersebut digunakan dan dibelanjakan. Pengeluaran tabung amanah hanyalah 2 kali setahun. Sebarang bantuan kecemasan, JAKOA akan menggunakan peruntukan jabatan.

2.2. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (PEMBANGUNAN)

– Pengurusan Projek Penswastaan Kerajaan Negeri Selangor

2.2.1 Pendahuluan

- (1) Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab mengurus dan memantau projek penswastaan yang diluluskan. Sepanjang tahun 1995 hingga 2009, kerajaan negeri telah meluluskan sebanyak 49 projek penswastaan.
- (2) Wakil daripada Seksyen Makro Dan Penswastaan, UPEN yang hadir memberikan penjelasan adalah seperti berikut:
 - i. Y. Bhg. Dato' Noordin Bin Sulaiman
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
 - ii. Tuan Nor Azmie Bin Diron,
Timbalan Pengarah, UPEN Makro dan Penswastaan
 - iii. Encik Mohd Fareez bin Mohd Ariss,
Ketua Penolong Pengarah, UPEN Makro dan Penswastaan
 - iv. Encik Mohd Muktafi Bin Sarpan
Penolong Pengarah, UPEN Makro dan Penswastaan

2.2.2 Maklumat daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri

Fakta

- (1) Secara keseluruhan, daripada 49 projek penswastaan Kerajaan Negeri Selangor, 29 projek telah selesai, 5 projek belum selesai, 4 projek dalam pelaksanaan, 8 projek telah dibatalkan dan 3 projek telah di kaveat pendaftar.
- (2) Antara punca projek penswastaan Kerajaan Negeri Selangor yang bermasalah dan kurang memuaskan adalah ketiadaan perjanjian. Tindakan yang bakal diambil oleh UPEN adalah mengenal pasti tanah yang telah diberi milik tetapi perjanjian tidak ditandatangani akan dikaveatkan.
- (3) Bagi pulangan kepada kerajaan negeri yang belum terima, UPEN akan membatalkan 8 projek penswastaan bernilai RM56 juta memandangkan tanah tersebut belum diberi milik dan akan menjadikan tanah tersebut sebagai *land bank* kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan manfaat akan datang.
- (4) 3 projek yang bernilai RM 15 juta akan dimasukkan kaveat pendaftar bermakna tidak akan dijadikan pulangan kepada Kerajaan Negeri menjadikan pulangan yang belum dikutip sebanyak 16.21% berbanding 39.9%.
- (5) Pulangan Projek Kemudahan Infrastruktur bernilai 10 juta oleh pemaju Getrahome, UPEN sedang berbincang untuk pemaju membuat pulangan berbentuk tunai tidak dalam bentuk *in-kind*. Tempoh masa akan diberikan dan sekiranya pemaju masih tidak bersetuju, tanah tersebut akan dimasukkan kaveat pendaftar.
- (6) UPEN tidak berupaya mengubah keputusan yang telah dibuat pada tahun 2000 berhubung kriteria pemilihan pemaju. Walau bagaimanapun UPEN akan mengambil tindakan-tindakan semasa bagi mana-mana kelulusan yang boleh dibatalkan atau dimasukkan Kaveat Pendaftar.
- (7) Kutipan tidak dapat dibuat kepada Pemaju Projek Mukim Sungai Buloh kerana tiada perjanjian di antara pemaju dan Kerajaan Negeri yang boleh dijadikan sandaran disamping pemaju juga telah diberi hak milik, pembangunan telah dilaksanakan dan disiapkan.
- (8) Proses pemantauan berterusan terhadap pulangan yang dijanjikan bagi 38 projek penswastaan Kerajaan Negeri adalah melalui:

- i. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal yang berfungsi untuk melihat perkembangan projek dan membuat semakan prestasi perlaksanaannya;
 - ii. Lawatan Tapak untuk melihat perkembangan pelaksanaan sebenar; dan
 - iii. Semakan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengenal pasti kedudukan Lembaga Pengarah.
- (9) Aktiviti pemantauan turut dibantu oleh Pejabat Tanah Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan terutamanya semasa aktiviti lawatan tapak dan sesi perbincangan.
- (10) Projek penswastaan atau usaha sama di antara PBT dengan pemaju, ia adalah di bawah urusan PBT. Bagaimanapun bermula pada 2008, PBT perlu merujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui UPEN untuk mendapatkan kelulusan bagi menjalankan projek-projek usaha sama atau penswastaan.

2.2.3 Penemuan Jawatankuasa

- (1) Perjanjian-perjanjian terdahulu tidak meletakkan tempoh masa dan ini merupakan kelemahan yang amat ketara, dan menimbulkan permasalahan di pentadbiran semasa malahan kebanyakan perjanjian juga adalah berbentuk *in-kind* menyebabkan tiada pertambahan nilai pulangan kepada Kerajaan Negeri.
- (2) Terdapat banyak kelemahan dalam pengurusan kontrak dan pemilihan pemaju yang membawa kepada kerugian kepada Kerajaan Negeri mahupun PBT. Pihak UPEN sedia membantu dan berkeupayaan untuk membuat analisa sesuatu cadangan projek daripada pemaju kepada PBT.
- (3) Istilah tiada perjanjian merujuk kepada tiadanya kontrak kemajuan tanah di antara pemaju dan juga Kerajaan Negeri. UPEN mengakui sememangnya ia merupakan ketidakpatuhan yang berat dan antara punca ianya berlaku adalah disebabkan oleh kecuaiannya kakitangan.

2.2.4 Syor / Saranan Jawatankuasa

- (1) Sekiranya dapat disediakan pegawai tambahan yang boleh membuat pemantauan bagi projek-projek sedia ada di peringkat PBT adalah lebih baik dalam memastikan pulangan kepada

Kerajaan Negeri tidak berkurangan seterusnya garis panduan sedia ada di UPEN di guna pakai di PBT.

- (2) Berhubung Analisis Pulangan kepada Kerajaan Negeri, wakil Jabatan Audit Negeri Selangor berpendapat adalah lebih baik kesemua 49 projek dinyatakan dengan jelas jumlah nilai yang belum diserahkan dan telah diserahkan secara total bagi membolehkan pemantauan dibuat secara telus.

2.3. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR (JPVNS)

– *Pengurusan Program Transformasi Industri Lembu Pedaging.*

2.3.1 Pendahuluan

- (1) Skim Pengganda Ruminan Selangor (SPERS) merupakan skim baru yang dimulakan pada tahun 2011. Melalui skim ini, Kerajaan Negeri menawarkan lembu-lembu untuk dibeli oleh penternak yang terpilih (berharga RM1000 seekor). Mengikut perjanjian, penternak akan menjual semula anak lembu berumur sekitar 18-24 bulan berjumlah 60% daripada belian kepada Kerajaan Negeri dengan harga RM2600 seekor.
- (2) Wakil daripada JPVNS yang hadir memberikan penjelasan adalah seperti berikut:
 - i. Tuan Dr. Abdul Latif Bin Borhan
Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
 - ii. Encik Azman Bin Hassan
Penolong Pegawai Veterinar,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
 - iii. Encik Amran Bin Shahir
Penolong Pegawai Veterinar, Daerah Kuala Langat

2.3.2 Maklumat daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor

Fakta

- (1) Penilaian akan dibuat dalam tempoh 3 tahun bagi memastikan objektif program menjadikan penternak semi-komersial kepada penternak komersial tercapai. Dalam tempoh tersebut juga pemantauan akan dibuat oleh JPVNS.
- (2) Bagi pelaksanaan skim SPERS, Jabatan mengambil langkah ad-hoc dalam menangani masalah kekurangan tenaga kerja dengan mengamalkan konsep gotong royong bersama pejabat Veterinar Daerah.
- (3) Perjawatan di Pejabat Veterinar Daerah masih belum diisi sepenuhnya. Bagaimanapun kedudukan kakitangan terkini adalah lebih baik berbanding sebelumnya.
- (4) Jabatan juga mengambil langkah dalaman dengan menempatkan lantikan baru secara kursus sangkut disamping membenarkan lantikan turun kelapangan mengikut senior bagi memastikan lantikan baru beroleh latihan dan kemahiran teknikal yang diperlukan.
- (5) Dari segi pemantauan projek, JPVNS memperkenalkan Program Pengembangan Veterinar di mana setiap daerah perlu menyediakan program lawatan secara berkala ke projek-projek jabatan seperti projek SPERS untuk bertemu dengan penternak dan mengemas kini rekod-rekod penternak, melihat perkembangan serta permasalahan penternak.
- (6) 6 hingga 10 daripada hampir 40 orang penternak lembu pedaging semi-komersial sedia ada di Negeri Selangor dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan untuk mengikuti skim SPERS ini. 2 penternak yang berjaya mengikuti skim SPERS bagi tahun 2011 memenuhi hampir 95% kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan. Kos bagi skim SPERS adalah sebanyak RM1.5 juta untuk tempoh 5 tahun (RMK-10).
- (7) Unjuran sasaran pencapaian bagi setiap penternak skim SPERS akan dibuat bagi kadar kelahiran yang bakal diterima dan jumlah ternakan yang berjaya dihasilkan selepas 3 tahun. Unjuran tersebut juga perlu bagi memastikan Kerajaan Negeri boleh menuntut semula sekurang-kurang 60% anak betina yang dihasilkan oleh penternak tersebut.

- (8) JPVNS memberikan tunjuk ajar dari segi kawalan dan pengurusan kos. Antaranya, melatih penternak membiakkan sendiri ternakan mereka bagi mendapatkan baka yang baik di samping melaksanakan kempen makanlah daging tempatan bagi membantu penternak tempatan.
- (9) Padang ragut milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar seluas 390 ekar dan kebanyakannya terletak di Hulu Selangor.

2.3.3 Penemuan Jawatankuasa

- (1) Perjanjian diantara penternak dan Kerajaan Negeri yang didapati amat longgar dan merugikan Kerajaan Negeri. Untuk itu, JPVNS mengambil perhatian mengenai perjanjian-perjanjian akan datang dengan memasukkan klausa baru iaitu "remedi kepada Kerajaan".

2.3.4 Syor / Saranan Jawatankuasa

- (1) JPVNS mengkaji dan meneliti cadangan ladang ternakan organik yang menghasilkan sumber makanan daripada ternakan berasaskan organik memandangkan ia telah dilaksanakan di luar negara. Penghasilan sumber makanan berasaskan organik ini boleh meningkatkan nilai tambah kepada penternakan dan sumber pendapatan penternak.
- (2) Jawatankuasa mengesyorkan agar Jabatan Perkhidmatan Veterinar membuat kajian dan menjadikan penternakan lembu di TKPM Semenyih sebagai contoh dalam penghasilan tenaga bio-gas hasil daripada najis ternakan lembu dan kerbau. Ia boleh dijadikan contoh kepada penternak-penternak lain terutamanya dari segi pengurangan kos dan kawalan ekologi.

2.4. PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR (PTGS)

- *Pengurusan Aktiviti Perlombongan dan Pengambilan Pasir serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar.*

2.4.1 Pendahuluan

- (1) Sehingga akhir tahun 2009, sebanyak 294 permit perlombongan pasir telah dikeluarkan dengan jumlah pengeluaran pasir sebanyak 4,612,244 meter padu. Keseluruhannya, pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir di Negeri Selangor

adalah kurang memuaskan sehingga kemusnahan alam sekitar di beberapa kawasan.

- (2) Wakil daripada PTGS yang hadir memberikan penjelasan adalah seperti berikut:
- i. Tuan Haji Kamarulzaman Bin Jamil
Timbalan Pengarah,
Pejabat Tanah dan Galian Selangor
 - ii. Puan Rahilah Binti Rahmat
Ketua Penolong Pengarah,
Pejabat Tanah dan Galian Selangor
 - iii. Encik Syafianza Azwan Bin Shaiful Bahri
Penolong Pengarah
Pejabat Tanah dan Galian Selangor
 - iv. Pn. Nor Ellina Binti Anuar
Penolong Akauntan
Pejabat Tanah dan Galian Selangor

2.4.2 Maklumat daripada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Fakta

- (1) Aktiviti pengambilan pasir secara tidak sah pada masa ini telah berkurangan sebanyak 80%. Turut berkurangan adalah lokasi-lokasi panas pengeluaran pasir secara tidak sah sejajar dengan pengeluaran permit pasir yang dilaksanakan oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB).
- (2) Permohonan mendapatkan peralatan untuk memperkasakan peranan penguatkuasa telah dilakukan. Bagaimanapun ia tidak mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Negeri. Begitu juga dengan kenderaan pacuan bagi kegunaan penguatkuasa turut tidak mencukupi terutamanya di daerah-daerah.
- (3) Terdapat cadangan di peringkat kerajaan negeri supaya KSSB membantu dari segi penyediaan peralatan dan kenderaan penguatkuasa. Bagaimanapun cadangan tersebut tidak diluluskan kerana penerimaan bantuan daripada anak syarikat kerajaan negeri boleh mencetuskan pertikaian.
- (4) Proses pemantauan penguatkuasaan di peringkat daerah dibuat di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan dan Mineral di mana

setiap daerah akan mengemukakan laporan bulanan berhubung jumlah rondaan, tindakan penguatkuasaan dan jumlah rampasan yang telah dibuat.

- (5) PTGS turut bersama-sama membantu aktiviti penguatkuasaan di peringkat daerah memandangkan aduan turut diterima oleh PTGS. Bagi meningkatkan kecekapan pasukan penguatkuasa, latihan insentif di Institut Latihan Selangor diberikan.
- (6) Mendapat kerjasama daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam melaporkan sebarang ketidakpatuhan syarat-syarat teknikal oleh operator-operator pasir untuk diambil tindakan oleh PTGS. Tiada laporan berkala disediakan oleh JPS dan ini diakui oleh PTGS sebagai suatu kelemahan yang perlu diperbaiki.

2.4.3 Penemuan Jawatankuasa

- (1) PTGS perlu lebih bertanggungjawab dalam mengendalikan aduan daripada jabatan-jabatan lain yang berkaitan dan jika perlu menurunkan kuasa kepada jabatan berkenaan supaya mengurangkan karenah birokrasi yang memanjangkan masa penguatkuasaan.
- (2) PTGS perlu lebih peka terhadap isu pelanggaran syarat-syarat teknikal yang dikenakan dan tidak hanya bergantung kepada laporan daripada JPS sahaja. Pelanggaran syarat yang ditetapkan boleh dikenal pasti melalui pelbagai cara dan tidak semestinya daripada Jabatan yang mempunyai kepakaran sahaja.

2.4.4 Syor / Saranan Jawatankuasa

- (1) Satu bentuk kaedah baru ditetapkan dalam menentukan jumlah royalti pasir yang lebih tetap berbanding kaedah yang diguna pakai sekarang. PTGS disyorkan untuk mengenal pasti kaedah tersebut.
- (2) KSSB membantu memperkasakan PTGS dan Pejabat Tanah Daerah dari segi membekalkan peralatan dan kenderaan untuk kegunaan penguatkuasaan. Bagaimanapun semakan terhadap peraturan kewangan perlu dibuat agar isu pemberian kenderaan sebagai satu bentuk pinjaman atau pemberian hadiah tidak menyalahi peraturan. Cadangan pembukaan Akaun Amanah turut dilihat sebagai kaedah yang sesuai.

- (3) Pengaktifan semula pasukan Skuad Elit dan ditambahkan keanggotaannya. Jawatankuasa mendapati pasukan ini dapat membantu PTGS dalam menangani isu-isu dan permasalahan berkaitan kecurian pasir.
- (4) PTGS menyediakan *Standard Operation Procedure (SOP)* dan bentuk pemantauan seterusnya dalam bentuk laporan secara berkala yang melibatkan jabatan-jabatan berkaitan. PTGS juga perlu memantau Pejabat Tanah Daerah bagi memastikan masalah kerosakan alam sekitar dan kerugian kewangan dapat dikurangkan.

2.5. JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR (JAKESS)

- ***Pengurusan Projek Pembinaan Ibu Pejabat jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dan Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor.***

2.5.1 Pendahuluan

- (1) Projek pembinaan Ibu pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dan sembilan Mahkamah Rendah Syariah Daerah adalah secara *Build, Lease and Transfer (BLT)*. Kos keseluruhan projek adalah RM160.59 juta dan dibiayai sepenuhnya oleh Amanah Raya Development Sdn. Bhd (ARD).
- (2) Wakil daripada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor yang hadir adalah seperti berikut:
 - i. Y.A.A Haji Mukhyuddin Bin Haji Ibrahim
Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
 - ii. Tuan Haji Ghazali Bin Ahmad
Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
 - iii. Encik Shahrudin Bin Hanin Hamjah
Penolong Pendaftar Kanan, Unit Pembangunan
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
- (3) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor turut dibantu oleh En. Muktafi bin Sarpan daripada Seksyen Makro dan Penswastan, UPEN.

2.5.2 Maklumat daripada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor

Fakta

- (1) Unit Pembangunan JAKESS yang ditubuhkan untuk mengurus dan memantau secara fizikal projek bersama-sama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Kerja Raya. Pegawai sedia ada dilantik secara pentadbiran untuk mengetuai unit ini dibantu oleh dua orang juruteknik. JAKESS turut menerima laporan daripada konsultan-konsultan yang dilantik.
- (2) UPEN selaku penyelaras mengadakan mesyuarat berkala bersama-sama Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bomba, Tenaga Nasional Berhad dan jabatan teknikal lain khususnya di peringkat pihak berkuasa tempatan sebagai bentuk pemantauan disamping membincangkan isu-isu berbangkit yang timbul di pihak pemaju dan JAKESS.
- (3) Perjanjian BLT telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Amanah Raya Development Sdn. Bhd (ARD) pada 24 Julai 2007. Status tanah ketika itu adalah milik kerajaan dan belum diberi milik kepada Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI). Tanah kemudiannya diberi milik kepada SSI agar ia tidak dicagarkan kepada pihak ketiga.
- (4) Kemungkinan perjanjian BLT yang menetapkan bayaran sewa RM17.64 juta selama 20 tahun dibuat disebabkan oleh keuntungan jangka masa panjang kerajaan negeri atau kekangan kewangan kerajaan negeri ketika itu.
- (5) JAKESS telah mengenal pasti tapak bangunan Mahkamah Rendah Syariah Gombak yang baru dan kebenaran merancang juga telah diperoleh. Bagaimanapun jalan utama ke bangunan tersebut tidak dapat diteruskan berikutan satu projek perumahan berdekatan turut terbengkalai. Sebagai alternatif, JAKESS telah mengemukakan permohonan menggunakan jalan sedia ada di PTD Gombak.
- (6) Permohonan bagi kesemua hak milik tanah bangunan Mahkamah Syariah Rendah Daerah dibuat atas nama *Menteri Besar Incorporated (MBI)* berdasarkan syarat perjanjian BLT. Setakat ini hanya Daerah Sepang dan Daerah Kelang telah memperoleh kelulusan. Mesyuarat mengambil maklum terdapat perancangan untuk mewartakan hak milik ke atas institusi bangunan setelah tamat konsesi 20 tahun.

2.5.3 Penemuan Jawatankuasa

- (1) Punca kelewatan 22 bulan mengemukakan perjanjian BLT tersebut kepada kerajaan negeri tidak dapat dipastikan. Bagaimanapun, selepas perjanjian diterima, UPEN turut memaklumkan kepada JKR berhubung peranan mereka untuk memantau projek ARD bersama JAKESS.
- (2) Terdapat kerugian RM1.77 juta berikutan pertukaran juru perunding daripada JKR kepada ARD. Walaupun pelantikan ARD telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, perjanjian BLT yang dibuat perlu mengambil kira pembayaran yang telah diselesaikan.

2.5.4 Syor / Saranan Jawatankuasa

- (1) Jabatan Audit Negeri Selangor berpendapat adalah wajar kerja-kerja juru perunding terdahulu diambil kira dalam penyediaan perjanjian BLT memandangkan pembayaran telah dibuat. Sekiranya pembayaran tersebut tidak diambil kira ia dilihat sebagai satu kerugian kepada kerajaan negeri.
- (2) JAKESS turut terlibat dan diberi tanggungjawab untuk memantau memandangkan JAKESS adalah institusi yang akan menggunakan bangunan tersebut. JAKESS atau UPEN melantik sekurang-kurangnya seorang individu yang mempunyai kepakaran teknikal untuk membantu Unit Pembangunan JAKESS memantau pembinaan yang sedang berjalan.
- (3) Pemantauan berterusan oleh UPEN dan JAKESS dengan bantuan kepakaran daripada JKR untuk memastikan pembinaan menepati syarat-syarat yang ditetapkan dan UPEN terus memantau proses pemberimilikan hak milik tanah kesemua bangunan Mahkamah Rendah Syariah Daerah kepada MBI.

2.6. PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

– Pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut oleh Kerajaan Negeri Selangor .

2.5.1 Pendahuluan

- (1) Pengurusan pinjaman boleh dituntut oleh agensi kerajaan negeri adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Empat

agensi tidak membuat bayaran semula berjumlah RM 80.20 juta manakala RM77.80 juta daripada RM631.08 juta tidak dapat ditentukan status peminjam dan keupayaan Perbendaharaan Negeri mendapatkan balik pinjaman tersebut.

(2) Wakil daripada Perbendaharaan Negeri Selangor yang hadir adalah seperti berikut:

- i. Tuan Shamsul Azri Bin Abu Bakar
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
- ii. Tuan Mohd Azizi Bin Mohd Zain
Bendahari Negeri Selangor
- iii. Puan Siti Noorliza Binti Md Salleh
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan)
- iv. Puan Noreha Binti Mohamed Saad
Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan)
- v. Puan Aliah Hanim Binti Ramdan
Penolong Pegawai (Belanjawan)
- vi. Ck Nor Hafiza Binti Ishak
Penolong Pegawai (Belanjawan)

2.5.2 Maklumat daripada Perbendaharaan Negeri Selangor

Fakta

- (1) Pinjaman daripada kerajaan pusat berjumlah RM20 juta bagi membiayai Skim Amanah Saham Selangor (ASAS) perlu di bayar oleh kerajaan negeri. Sementara itu kerajaan negeri tidak dapat mengutip pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh pembeli kerana syarikat yang menguruskan pinjaman tersebut sudah tidak beroperasi.
- (2) Kerajaan negeri ada memanjangkan permohonan untuk pinjaman RM20 juta itu dilupuskan kepada kerajaan pusat tetapi ianya tidak dipersetujui sebaliknya kerajaan negeri dibenarkan untuk membuat penjadualan semula bayaran pinjaman.
- (3) Kebanyakan pinjaman yang bermasalah, Perbendaharaan Negeri ada membuat penjadualan semula bayaran pinjaman. Bagi pinjaman oleh PKPS penjadualan semula telah dibuat dan sehingga kini PKPS tanpa gagal membuat pembayaran.

- (4) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak RM200 juta daripada RM450 juta pinjaman diberikan kepada KDEB untuk membiayai pinjaman bekalan air. Sekiranya Perbendaharaan Negeri berjaya mengutip RM200 juta, kerajaan negeri mampu untuk memberikan pinjaman-pinjaman baru.
- (5) Kekangan pembayaran oleh KDEB juga berikutan daripada kegagalan penstrukturan air dimuktamadkan.

2.6. JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR (JPNS)

– *Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan Negeri Selangor* ***(Susulan bagi Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor Tahun 2008)***

2.6.1 Pendahuluan

- (1) Jawatankuasa telah meneliti aktiviti khas Jabatan Pertanian Negeri Selangor terhadap Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan Negeri Selangor pada 21 Januari 2010.
- (2) Berdasarkan penjelasan yang diberikan dan sesi lawatan Jawatankuasa ke beberapa Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Selangor. Jawatankuasa mendapati terdapat kelemahan terhadap keberkesanan aktiviti jabatan tersebut.
- (3) Susulan daripada itu, Jawatankuasa telah mendapatkan penjelasan bertulis dari masa ke semasa dan turut memanggil wakil Jabatan Pertanian Negeri Selangor bagi kali yang kedua pada 12 Januari 2012 bagi menjelaskan penemuan-penemuan Jawatankuasa dan berikut adalah wakil jabatan yang hadir:
 - i. Encik Mohamad Idrus Bin Ab Hamid
Timbalan Pengarah, Jabatan Pertanian Negeri Selangor
 - ii. Encik Mohd Anuar Bin Sadri
Penolong Pegawai Pertanian,
Jabatan Pertanian Negeri Selangor

2.6.2 Penemuan Jawatankuasa

- (1) Wujudnya aktiviti sewaan di kalangan peserta di TKPM Sungai Panjang dan beberapa TKPM seperti berikut:

- TKPM Semenyih i. Lot milik Puan Halijah Bibi;
- ii. Lot yang mengusahakan ternakan lembu dan projek biogas diusahakan oleh orang Pakistan.

- TKPM Batangsi i. Lot yang diusahakan oleh pengusaha Cina yang mengusahakan tanaman *passion fruit*;
- ii. Lot yang mengusahakan ternakan udang galah diusahakan oleh seorang Tan Sri di atas tapak Akuakultur.

- TKPM Bukit Changgang i. Lot yang mengusahakan tanaman orkid.

- (2) Jawatankuasa mengusulkan agar JPNS membuat semakan dan penelitian berhubung perkara di atas dan hasil semakan perlu dilaporkan kepada Jawatankuasa PAC.
- (3) Kelemahan dari segi bentuk pemantauan dan pemilihan peserta oleh JPNS sehinggakan laporan awal tidak dapat mengesan aktiviti penyewaan berlaku.
- (4) Dari sudut implikasi kewangan, TKPM Sungai Panjang tidak wajar diteruskan memandangkan kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah yang besar iaitu RM1.2 juta untuk menampung beberapa peserta yang terlibat sahaja.
- (5) Kesesuaian bentuk tanaman yang diusahakan oleh peserta adalah kurang bersesuaian dari segi struktur tanah dan pulangan hasil yang diperoleh tidak mencapai sasaran pendapatan.

2.6.3 Penjelasan daripada Jabatan Pertanian Negeri Selangor berhubung Aktiviti TKPM Sungai Panjang dan Aktiviti Penyewaan Tapak di kalangan peserta TKPM.

Fakta

- (1) Semakan ke atas penemuan Jawatankuasa telah dibuat dan tindakan seperti mengeluarkan surat amaran bagi peserta yang menjalankan usaha sama dan tiada komitmen terhadap ladang yang diusahakan seperti yang dikenal pasti di TKPM Sungai Batangsi telah diambil. Manakala surat peringatan dikeluarkan kepada lot peserta yang berada dalam keadaan terbiar.
- (2) Semakan juga mendapati peserta Wadah Teguh di TKPM Sungai Panjang telah melanggar peraturan dengan menyewakan kepada pengusaha lain. JPNS telah memutuskan untuk menamatkan penyertaan Wadah Teguh dan mencadangkan penyewa semasa iaitu Tunas Anggun Enterprise memohon secara rasmi kepada JPNS seterusnya melalui sesi temu duga bersama peserta lain.
- (3) Sekiranya terbukti berlakunya aktiviti penyewaan atau pelanggaran syarat JPNS akan mengeluarkan surat amaran dan seterusnya surat penamatan sekiranya pembetulan tidak dibuat oleh penyewa. JPNS memantau operasi dari masa ke semasa ke atas TKPM Sungai Panjang dan akan mengesyorkan peserta-peserta menukar bidang usahanya sekiranya perlu.
- (4) Di akui peserta belum mencapai sasaran pendapatan RM3000.00 sebulan. JPNS berhasrat untuk meneruskan TKPM Sungai Panjang sebagai kawasan pengeluaran makanan dengan kos penyelenggaraan minima. Cadangan penutupan TKPM Sungai Panjang juga wajar tetapi JPNS turut mengambil kira pelaburan yang telah dibuat oleh 5 peserta di situ.
- (5) Bagi jangka panjang, cadangan JPNS akan melihat semula sokongan daripada pihak kerajaan dan berkemungkinan menurunkan taraf projek kepada projek biasa dimana pengusaha perlu mengusahakan sendiri tanpa bantuan kerajaan.
- (6) Bagi TKPM Batu Arang, secara keseluruhan peserta mengusahakan tanaman nangka madu bersesuaian dengan jenis tanah laterit. Bagaimanapun JPNS juga diarahkan untuk mengkaji tanaman integrasi dengan ternakan. JPNS melihat peluang membangunkan kawasan ini dan telah menawarkan peserta-peserta tambahan.

2.5.5 Syor / Saranan Jawatankuasa

- (1) JPNS perlu mengkaji semula dari segi kesesuaian tanah dengan jenis tanaman yang diusahakan. Sekiranya tanaman yang diusahakan tidak mengeluarkan hasil, JPNS boleh mempertimbangkan untuk dikeluarkan daripada TKPM kerana ia tidak menepati matlamat TKPM sebagai taman pengeluaran makanan.
- (2) TKPM Sungai Panjang diberikan satu tempoh masa yang sesuai untuk dinilai dari segi kos yang diperuntukkan dengan keberhasilannya. Penilaian ini secara tidak langsung dapat memastikan sama ada TKPM Sungai Panjang wajar diteruskan atau tidak. Laporan dan cadangan perlu dilaporkan kepada Jawatankuasa dan MMKN untuk makluman dan diputuskan.
- (3) JPNS menjalankan siasatan secara menyeluruh di semua TKPM di Selangor agar kegiatan penyewaan tidak berlaku lagi. Sekiranya JPNS dapat mengenal pasti penyewaan berlaku, pengusaha asal ditamatkan pajakan dan diberi keutamaan kepada pengusaha semasa di tapak itu.

3 LAWATAN TAPAK / AKTIVITI LUAR

- 3.1. Sebagai pemantauan di pihak Jawatankuasa juga, Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor telah mengadakan lawatan tapak bersama dengan anggota mesyuarat ke tempat seperti berikut:-

- i. Tapak Projek Pembangunan Penswastaan di Bukit Cherakah

- 24 Februari 2011

4. PERAKUAN

- 4.1 Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor ke atas Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi tahun 2009 dengan ini dibentangkan kepada Dewan Negeri Selangor untuk penerimaannya mengikut Peraturan Tetap 76(5).
- 4.2 Jawatankuasa mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Pengarah Audit Negeri Selangor, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Bendahari Negeri Selangor, Penolong Pegawai Kewangan Negeri Selangor serta pegawai dari Jabatan Audit Negeri Selangor atas kerjasama mereka membantu Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor semasa membuat pemeriksaan dan penyediaan laporan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor yang telah hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.



(Y.B. TUAN LEE KIM SIN)

Pengerusi

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor

Dewan Negeri Selangor

Julai 2012

Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor yang telah dilantik bagi Penggal Dewan Negeri Selangor Kedua Belas adalah terdiri daripada:-

- (i) Y.B. Tuan Lee Kim Sin
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang)
- (ii) Y.B. Tuan Ng Suee Lim
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan)
- (iii) Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Sri Muda)
- (iv) Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Damansara Utama)
- (v) Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan Sijangkang)
 - Sebagai Ahli Jawatankuasa sehingga 17 Januari 2012 sebelum dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- (vi) Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong)
- (vii) Y.B. Datuk Johan bin Abdul Aziz
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Semenyih)
- (viii) Y.B. Dr Tuan Abdul Rani bin Osman
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Meru)
 - Dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa pada 27 Mac 2012 menggantikan Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

Urus Setia:

- i) Encik Suliman bin Abd. Rahman
Setiausaha Bahagian Dewan / MMKN
Merangkap Setiausaha Jawatankuasa
- ii) Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian Dewan/MMKN
(sehingga Julai 2011)
- iii) Puan Noor Asdiana binti Abd. Kadir
Ketua Penolong Setiausaha
- iv) Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha Dewan
- v) Puan Siti Salbiah binti Masri
Penolong Pegawai Tadbir Dewan
- vi) Cik Noor Syazwani binti Abd. Hamid
(Setiausaha Pejabat)
- vii) Cik Siti Salina binti Muftar
(Setiausaha Pejabat)
- viii) Encik Ahmad Hafizan bin Yusoff
Pembantu Tadbir

Pegawai-pegawai yang turut hadir dalam mesyuarat:

- i) Encik Shamsul Azri bin Abu Bakar
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
- ii) Encik Mohd Azizi bin Mohd Zain,
Bendahari Negeri Selangor
- iii) Puan Ang Nai Har
(Pengarah Audit Negeri Selangor)
- iv) Encik Roslan bin Abu Bakar
Timbalan Pengarah Audit Negeri Selangor
- v) Puan Nik Azrimah binti Abdul Ghafar
Ketua Penolong Bendahari Negeri
- vi) Encik Mohd Fontedza bin Rawi
Penolong Pegawai Kewangan Negeri
- vii) Encik Nazmir bin Mohd Nazar
Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil)
- viii) Puan Lai Seck Yin
Penolong Pengarah Audit (N) Negeri Selangor
- ix) Puan Rahimas binti Omar
Penolong Pengarah Audit Negeri Selangor
- x) Encik Ahmad Fazli bin Osman
Juruaudit Negeri Selangor
- xi) Puan Wan Zainab binti Wan Yahaya
Juruaudit Negeri Selangor
- xii) Encik Romli bin Kassim
Juruaudit Negeri Selangor
- xiii) Puan Nurlailatul Bolkiah binti Abdullah
Juruaudit Negeri Selangor

